

**Meriahkan Ramadan bersama Komuniti di Merdeka 118**

**Aktiviti Memasak Bubur Lambuk Bersama Penduduk Perumahan Awam**

**KUALA LUMPUR, 4 April 2024** – Dalam meraikan bulan Ramadan yang mulia dan selari dengan komitmen untuk mengeratkan silaturahim, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), baru-baru ini memulakan inisiatif sulung memasak bubur lambuk bersama komuniti setempat untuk diedarkan di sekitar presint Merdeka 118.

Agihan ‘Bubur Lambuk Bersama Komuniti Merdeka 118’ adalah sebahagian daripada Program Sukarelawan Merdeka 118 yang melibatkan kakitangan PNB dan PMVSB, yang telah mencurahkan masa dan tenaga untuk memasak bubur lambuk dan mengagihkan hampir 450 paket kepada para penghuni Perumahan Awam (PA) Seri Sarawak, PA Jalan Hang Tuah, PA Loke Yew, dan PA Seri Selangor. Juadah berbuka puasa yang lazat ini dibawa pulang kepada keluarga masing-masing untuk berbuka puasa.

Ketua Hartanah Kumpulan PNB, Idros Mosin berkata, “Usaha ini bertujuan untuk menghidupkan semangat kejiranan dalam kalangan penghuni presint Merdeka 118, iaitu dengan menganjurkan aktiviti yang mudah tetapi amat bermakna seperti memasak bersama untuk menggalakkan keterlibatan anggota masyarakat. Kami percaya inisiatif seperti ini dapat memupuk interaksi berterusan dengan komuniti. Seiring dengan pembangunan Merdeka 118 yang sedang dibangunkan, kami komited untuk memastikan komuniti sekitar bukan sahaja dapat turut serta tetapi diutamakan dalam usaha kami. Sesungguhnya kita mengorak langkah ke hadapan bersama-sama. Di samping itu, kami berbesar hati melihat anggota pasukan kami menyumbangkan masa dan melaksanakan inisiatif dengan bersungguh-sungguh pada bulan yang mulia ini.”

Ketua Komunikasi PMVSB, Liza Karim, berkata, “Sambil kita berpuasa dan menunaikan ibadah dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, sumbangan

kepada masyarakat dan sokongan kepada golongan yang memerlukan amat penting bagi kami. Program Bubur Lambuk Bersama Komuniti Merdeka 118 mencerminkan usaha kami untuk mengukuhkan ikatan silaturahim di dalam komuniti, terutamanya penghuni di presint ini.”

Pengerusi Persatuan Penduduk PA Seri Sarawak, Mohd Azmi bin Zakaria, berkata, “Bagi pihak penghuni PA Seri Sarawak dan penerima lain, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada PMVSB kerana menganjurkan inisiatif bermakna ini. Kami amat bersyukur dengan penglibatan berterusan mereka dalam komuniti kami. Penglibatan kakitangan PNB dan juga PMVSB amat menyentuh hati kami, dan kami berharap untuk terus menjalin hubungan yang erat dengan Merdeka 118 pada masa depan.”

Setakat ini, PMVSB telah menganjurkan pelbagai program menyantuni masyarakat untuk memperkasakan penduduk sekitar dan mendorong perubahan positif di dalam presint Merdeka 118. Ini termasuk Program Geran Komuniti Merdeka 118 dan Program Belia Merdeka 118. Dalam tempoh yang mendatang, PMVSB akan terus mengadakan program demi manfaat komuniti di presint Merdeka 118.

-Tamat-

#### **Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad**

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB) ditubuhkan pada Jun 2000 dan merupakan pemilik dan pemaju presint Merdeka 118, yang terdiri daripada pembangunan kegunaan bercampur. PMVSB juga merupakan pemilik tunggal dua stadium warisan Malaysia, iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara yang terletak di presint ini. Kedua-dua stadium telah disenaraikan sebagai tapak “Warisan Negara” pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Selepas itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan usaha pemuliharaan yang teliti, sekali gus membolehkan Stadium Merdeka memenangi Anugerah Kecemerlangan UNESCO bagi Program Pemuliharaan Warisan Budaya (Asia Pasifik) 2008.

[www.merdeka118.com](http://www.merdeka118.com)

 @merdeka118  @merdeka\_118  @precinct\_118  Merdeka118

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. acorn communications: Alya Nurina; e-mel: alya@acornco.com.my | 010 221 8216